

Headline **Gel gagal ujian jangkitan Aids**
Date **21 Sep 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Dunia**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **48**
Article Size **55 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **254**
PRValue **762**



Gel gagal ujian jangkitan Aids

PARIS - Sejenis gel wanita gagal dalam ujian menghalang jangkitan virus Aids, kata beberapa doktor semalam semasa melaporkan keputusan ujian klinikal yang melibatkan 9,000 wanita.

Gel itu yang dikenali sebagai PRO 2000 gagal dalam ujian Fasa III iaitu ujian penilaian terakhir sebelum sesuatu ubat dibenarkan digunakan oleh orang ramai.

Sebelum ini, aktivis-aktivis AIDS meletakkan harapan tinggi untuk menemui gel vagina bagi membendung jangkitan virus kurang daya tahan penyakit (HIV).

Penemuan tersebut berupaya membawa perubahan besar dalam usaha untuk memerangi Aids.

Sebelum ini ia dianggap dapat melindungi golongan wanita terutamanya di negara-negara Afrika yang merupakan lokasi wanita kerap dipaksa melakukan hubungan seks. - AFP